

04 DEC 1998

Mahkamah-Anwar (Janji)

SAYA TIDAK DIJANJIKAN APA-APA: AZIZAN

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Azizan Abu Bakar, lelaki yang bersumpah diliwat Datuk Seri Anwar Ibrahim, menafikan yang beliau sanggup menjual maruah dan harga diri dengan dakwaan itu setelah dipujuk dan dijanjikan dengan pelbagai janji menarik termasuk wang yang banyak.

Beliau berkata Ummi Hafilda Ali, wanita yang membantunya menulis surat pengakuan bersumpah yang beliau diliwat Anwar, tidak menjanjikan apa-apa termasuk kereta mewah kepadanya bagi tujuan itu.

"Tidak ada janji yang menarik yang dijanjikan oleh Ummi Hafilda kepada saya kerana saya membuat surat pengakuan bersumpah itu dengan kerelaan diri sendiri," katanya.

Azizan, bekas pemandu isteri Anwar, Datin Seri wan Azizah Ismail berkata demikian pada perbincangan terhadap Anwar, 51, bekas Timbalan Perdana Menteri dan juga bekas Menteri Kewangan yang menghadapi empat tuduhan rasuah menggunakan kedudukannya untuk campurtangan dalam penyiasatan polis berhubung dakwaan salahlaku seks terhadapnya.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Perbincangan didengar di hadapan Hakim Datuk S. Augustine Paul.

Ummi Hafilda Ali, adik kepada Mohd Azmin Ali, bekas setiausaha peribadi Anwar, merupakan penulis surat Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri bertarikh 5 Ogos 1997 yang dialamatkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang disertakan bersama pengakuan bersumpah Azizan.

Azizan yang bersumpah diliwat Anwar sekitar tahun 1992 semasa menjadi pemandu Azizah merupakan saksi ke-12 pendakwaan, kini bertugas sebagai eksekutif pemasaran dan pentadbiran di sebuah syarikat di Alor Gajah, Melaka.

Semasa disoal balas oleh peguam Anwar, Christopher Fernando, Azizan berkata beliau tidak dijanjikan sejumlah wang yang besar bagi membuat dakwaan itu dalam surat pengakuan bersumpahnya.

Fernando: Adakah awak dijanjikan jawatan pengarah syarikat di mana awak tidak perlu memainkan peranan dalam syarikat itu?

Azizan: Tidak, saya tidak dijanjikan dengan jawatan-jawatan itu.

Fernando: Adakah awak dijanjikan kerja-kerja yang baik dan kereta yang mewah serta pemandu.

Azizan: Tidak saya tidak dijanjikan demikian.

Fernando: Adakah awak memiliki kereta Mercedes?

Mendengar soalan itu, Azizan yang duduk di tempat saksi dan selama ini serius semasa memberikan keterangan ketawa dan ini ditegur oleh hakim dan Fernando.

Azizan kemudian berkata beliau tidak memiliki kereta mewah itu atau didaftar atas namanya atau atas nama orang lain.

Fernando: Adakah awak memiliki kad perniagaan?

Azizan: Ada

Beliau kemudiannya memberikan dua keping kad perniagaan yang sama kepada peguam setelah diminta berbuat demikian dan menjelaskan bahawa beliau tidak mempunyai kad yang lain selain itu kerana telah kehabisan.

Fernando kemudian memohon mahkamah menandakannya sebagai barang kes sebelum menunjukkan sekeping kad perniagaan lain yang menunjukkan Azizan sebagai pengarah syarikat berkenaan.

Azizan mengesahkan kad itu kepunyaannya dan berjanji akan mengemukakan

borang 49 dan 24 bagi pendaftaran syarikat bagi menunjukkan jawatannya dalam syarikat itu dan akan cuba mendapatkannya daripada setiausaha syarikat.

Pada peringkat ini Fernando memohon mahkamah untuk menengguhkan soalan berkaitan sehingga borang itu dikemukakan kepada mahkamah apabila mahkamah bersambung Isnin ini.

Sebelum itu, Azizan berkata tujuan beliau membuat surat pengakuan sumpah itu ialah bagi memaklumkan kepada orang yang berkenaan bagi menjelaskan kedudukan yang sebenar dan cadangannya itu telah disampaikan kepada Ummi Hafilda.

"Saya maklumkan kepada Ummi mengenai surat itu untuk diberikan kepada Perdana Menteri kerana beliau pemimpin yang saya hormati," katanya yang ditegur oleh Fernando kerana tidak menjawab soalannya mengenai penghantaran surat itu atas cadangan siapa.

Azizan menolak cadangan Fernando bahawa cadangan menghantar surat itu kepada Perdana Menteri itu adalah rancangan Ummi Hafilda dan bukan rancangan beliau.

-- BERNAMA

NHD WAT